



**INTERNATIONAL JOURNAL OF MODERN  
TRENDS IN SOCIAL SCIENCES  
(IJMTSS)**

[www.ijmtss.com](http://www.ijmtss.com)



## **PERUBAHAN LANSKAP TEKNOLOGI MEDIA: KESAN, CABARAN DAN MASA DEPAN DUNIA KEWARTAWANAN**

### ***SHIFTS IN THE MEDIA TECHNOLOGY LANDSCAPE: THE EFFECTS, CHALLENGES, AND FUTURE OF THE WORLD OF JOURNALISM***

Jamilah Hamzah<sup>1</sup>, Khairunnisa Kamal Azi<sup>2</sup>, Nurul Hidayah Hamid<sup>3</sup>, Wan Mohd Noor Hafiz Wan Mansor<sup>4</sup>, Norsiah Abdul Hamid<sup>5\*</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: jamilahsinar1@gmail.com

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: khairunnisakamalazi@gmail.com

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: aoran.the.comicmania@gmail.com

<sup>4</sup> Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: wanhafiz85@gmail.com

<sup>5</sup> Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: norsiah.abdulhamid@gmail.com

\* Corresponding Author

#### **Article Info:**

##### **Article history:**

Received date: 28.11.2020

Revised date: 20.12.2020

Accepted date: 28.12.2020

Published date: 30.12.2020

##### **To cite this document:**

Hamzah, J., Azi, K. K., Hamid, N. H., Mansor, W. M. N. H.W., & Hamid, N. A. (2020). Perubahan Lanskap Teknologi Media: Kesan, Cabaran Dan Masa Depan Dunia Kewartawanan.. International Journal of Modern Trends in Social Sciences, 3 (14), 184-195.

#### **Abstrak:**

Kemunculan Internet di Malaysia pada 1998 telah merubah bentuk dunia kewartawanan daripada konvensional kepada digital. Untuk itu, semua wartawan perlu bersiap siaga dengan pelbagai kemahiran demi memenuhikehendak khalayak semasa agar tidak ketinggalan. Bagaimanapun, tidak semua wartawan bersedia berdepan perubahan yang berlaku dalam dunia kewartawanan hingga memerlukan mereka menjadi seorang yang boleh melaksanakan pelbagai tugas pada satu masa (multitasking) sama ada dari segi menulis berita, merakam foto sehingga menyunting video. Kajian ini menggunakan temubual mendalam melibatkan lapan orang wartawan media cetak dan penyiaran berbilang kaum terdiri daripada Melayu, Cina dan India di dua negeri di Malaysia dengan masing-masing berpengalaman lebih 10 tahun dalam dunia kewartawanan. Objektif kajian adalah menyelidik pandangan wartawan berhubung dunia kewartawanan, antaranya dari segi kemahiran, teknologi dan cabaran. Dapatkan kajian mendapati wartawan tidak kira sama ada media cetak ataupun penyiaran kini berdepan dengan cabaran besar dalam mengekalkan industri percetakan terutamanya yang semakin menurun jualan di pasaran. Hasil kajian turut menunjukkan bahawa semua agensi kini sedang

DOI: 10.35631/IJMTSS.3140015

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



giat melakukan transisi dari media konvensional kepada media digital bagi mempersiapkan wartawan dan membolehkan media arus perdana berkenaan terus kekal relevan dalam industri ini. Kajian turut menunjukkan bahawa saingen daripada platform media sosial menyaksikan agensi media turut sama mengeksplorasiplatform tersebut untuk bersaing secara sihat dalam menyediakan laporan berita beretika mengikut 'housestyle' masing-masing selain berpandukan sumber yang sahih.

#### Kata Kunci:

Kewartawanan, Kemahiran, Cabaran, Teknologi, Transisi, Persaingan

#### Abstract:

The advent of the Internet in Malaysia in 1998 has changed the world of journalism from conventional to digital. For that, all journalists need to be prepared with various skills in order to meet the needs of the current audience so as not to be left behind. However, not all journalists are ready to face the changes that occur in the world of journalism which require them to handle various tasks simultaneously (multitasking) either in terms of writing news, taking photos, and editing videos. This study uses in-depth interviews involving eight print journalists and broadcast comprising Malays, Chinese, and Indians in two states in Malaysia with more than 10 years of experience in journalism. The objective of the study is to examine journalists' views on the world of journalism, among others in terms of skills, technology, challenges, and future. The findings of the study found that journalists, regardless of print or broadcast media are now facing major challenges in maintaining the printing industry, especially with declining sales in the market. The results of the study also show that all media agencies are now actively transitioning from conventional to digital media to prepare journalists and enable the mainstream media to remain relevant in this industry. The findings also revealed that competition from social media platforms has seen media agencies exploiting the platform to compete accordingly in providing ethical news reports with regards to their 'house-style' as well as guided by authentic sources.

#### Keywords:

Journalism, Skills, Challenges, Technology, Transitions, Competition

#### Pengenalan

Di Malaysia, akhbar pertama, Government Gazzete mula diterbitkan pada 1806 di Pulau Pinang, manakala akhbar Bahasa Cina pertama dikeluarkan di Melaka pada 1815 (Lent, 1978; Othman, 1992). Tambah Lent (1978) dan Wariya (2012), akhbar Bahasa Melayu pertama, iaitu Jawi Peranakan pula muncul kira-kira 70 tahun kemudian pada 1876. Bagaimanapun, ada yang tidak tahan lama dan dihentikan penerbitannya. Sehingga kini, berbagai akhbar Bahasa Melayu, Inggeris, Tamil mahupun Cina diterbitkan di Malaysia termasuklah New Straits Times, Berita Harian, Harian Metro, Utusan Malaysia, Kosmo, Tamil Nesan dan Sin Chew Daily (Wariya, 2012).

Tidak ketinggalan, menurut Amir (2007), muncul akhbar alternatif seperti Harakah yang dimiliki Parti Islam SeMalaysia (PAS) apabila Perdana Menteri Keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengeluarkan permit majalah dan akhbar bagi parti pembangkang dan badan bukan kerajaan (NGO) ketika 22 tahun pemerintahannya. Bagaimanapun, Sulaiman (1999) berkata

pengedaran akhbar itu tidak begitu bebas kerana didakwa hanya boleh dijual kepada ahli PAS sahaja dan dikenakan syarat tertentu oleh kerajaan. Melalui kajian Sannusi dan Ong (2016), pengkaji menambah bahawa pembaca Cina menjadikan akhbar seperti Nanyang Siang Pau, Guan Ming Daily sehingga Kwong Wah Yit Poh sebagai pilihan mereka.

Akhbar merupakan alat berkuasa untuk mempengaruhi orang ramai. Sebelum merdeka, akhbar digunakan untuk membentuk semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat (Shafie & Ahmad, 2017) dan menyebarkan pengaruh sesebuah parti (Omar, 2017). Dalam kajiannya, Hussiin (2017) menemukan bahawa perkembangan persuratkhabaran Melayu dalam tempoh 1920 hingga 1940-an sememangnya memberi impak kepada masyarakat Melayu yang masih berada di bawah penjajahan British apabila akhbar menjadi alat untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan pendidikan kepada masyarakat Melayu khususnya wanita pada tempoh itu. Seiring peredaran zaman, peranan akhbar turut makin meluas dan berkembang.

Berdasarkan kajian Ismail dan Adnan (2011), kandungan berita di akhbar juga mampu memberi hiburan kepada masyarakat. Menurut Jasin (2009) serta Saari, Sarji dan Basri (2010), akhbar memainkan peranan penting dalam menyalurkan maklumat kepada orang awam. Selain itu, akhbar turut berfungsi untuk memberi kesedaran sosial mahupun politik kepada masyarakat Melayu (Saat, 2010). Antara lain, media turut didakwa perlu memelihara dan memartabatkan integriti nasional (Adnan, 2015). Lee, Othman, Nayan dan Thevakumar (2012) menyifatkan akhbar sebagai medium berita paling berjaya dalam mediaskap Malaysia dengan penumpuan lebih kepada perkembangan politik, pertumbuhan ekonomi, dan perubahan sosial.

Amir (2007) pula menulis bahawa akhbar turut berperanan sebagai mata dan telinga kerajaan, sekaligus wadah untuk menyalurkan informasi daripada kerajaan kepada rakyat dan sebaliknya. Pandangannya disokong Othman (2018) yang menyifatkan akhbar diterbitkan bagi memberi maklumat berkaitan berita positif, misalnya dasar kerajaan kepada masyarakat. Sofian dan Hussein (2018) mendapati media turut digunakan untuk memberi maklumat kepada pembaca mengenai isu tertentu yang berlaku dan mempamerkan kecenderungan masing-masing dalam melaporkan sesuatu isu.

Sejak 2013, jualan akhbar seperti News Straits Times dan Harian Metro bagaimanapun dikatakan semakin merosot, manakala akhbar digital seperti e-paper Utusan Malaysia, Sunday Star dan The Star kian melonjak (Sannusi & Mustafa, 2015). Lee, Othman, Nayan dan Thevakumar (2012) menyifatkan bahawa akhbar di Malaysia sebenarnya semakin berkembang dengan penambahan portal berita alternatif melalui platform media baharu. Bagaimanapun, menerusi kajian terbaru dilakukan Othman, Nayan, Lee dan Hassan (2018), mereka menyifatkan masa depan akhbar termasuklah dalam negara ini masih lagi kabur dengan sirkulasi akhbar dijangka terus menjunam, maka masa depannya didapati lebih menjurus kepada bentuk digital; berita dibaca melalui telefon pintar, tab ataupun gajet-gajet lain.

Jadi, tidak dinafikan kehadiran media baharu telah banyak mempengaruhi dunia kewartawanan. Putri, Pranuningrum dan Safirti (2018) mendefinisikan media baharu sebagai istilah yang menunjukkan teknologi maklumat dan komunikasi digital, komputer atau rangkaian yang semakin meningkat pada abad ke-20 seperti Internet, komputer, multimedia dan permainan komputer. Manakala, Situmorang (2012) berpandangan bahawa kemunculan Internet dikaitkan dengan media baharu, yang mana ia bermula dengan emel dan laman sesawang sebelum kehadiran media sosial, blog dan lain-lain. Kemunculan Internet dilihat mengubah profesjon kewartawanan dari pelbagai sudut (Dueze, 1999). Bagi Franco (2009)

pula, Internet mewujudkan persekitaran baharu yang menandakan peralihan dari masyarakat perindustrian ke sebuah masyarakat berasaskan digital atau pengetahuan. Bagaimanapun, media yang berkuasa dalam menyampaikan informasi dikhawatir kehilangan kuasa dan kawalannya kepada rangkaian individu ketika tempoh ini.

Zamri (2015) berpandangan, dalam era globalisasi, Internet memegang kuasa media dan masyarakat maklumat moden, malah kemunculan Internet pada tahun 1998 telah menyebabkan perubahan besar di Malaysia. Manakala, kemunculan akhbar dalam talian dan laman sesawang yang menjadi sebahagian daripada media baharu didapati memberikan sumber maklumat yang tidak terhad kepada orang awam berbanding media arus perdana. Media baharu menjadi pilihan baharu untuk orang awam mendapatkan maklumat disebabkan ciri-ciri dimilikinya, antaranya, mudah diakses, memiliki rangkaian, interaktif, kesamarataan, multimedia dan pantas (Setiawan, 2013; Pradepp, 2014).

Kemunculan media baharu seperti berita dalam talian dilihat memberi saingan dan cabaran kepada akhbar. Dueze (1999) mendakwa hal ini disebabkan ia percuma, boleh diakses 24 jam dan dikemaskini dari semasa ke semasa. Varzandeh (2018) turut menyuarakan pandangan bahawa teknologi berkenaan mampu memberi ancaman kepada media, selain memberi peluang. Varzandeh menambah, industri akhbar kini telah sangat dipengaruhi, dan dengan itu berubah melalui integrasi Internet dan kewartawanan cetak, yang mana kini akhbar dalam talian boleh memberikan perkhidmatan baharu melalui Internet yang tidak boleh disediakan akhbar bercetak disebabkan oleh kualiti salinan keras.

Tidak ketinggalan, kehadiran wartawan warga (citizen journalists) menambahkan persaingan wartawan akhbar untuk menarik perhatian pembaca. Balaraman dan Ibrahim (2013) mentakrifkan istilah wartawan warga sebagai satu gelaran baharu kepada pengamal kewartawanan daripada masyarakat kepada masyarakat. Melalui kajian Wong dan Hodgson (2009), sesiapa sahaja berpeluang menjadi wartawan warga yang menulis dan menerbitkan bahan di laman sesawang. Balaraman, Ibrahim, Arokiasamy dan Mukhiar (2016) turut menyokong sesiapa sahaja yang memiliki akses Internet dan gajet moden boleh memuatkan apa sahaja didengari dan dilihat mereka dengan menggelarkan diri sebagai wartawan warga bagi menyampaikan maklumat khususnya isu tempatan berkaitan masyarakat.

Selain itu, jika dahulu wartawan akhbar akan ditemani jurugambar ketika membuat liputan sesuatu berita, kini media memerlukan wartawan solo yang memiliki pakej lengkap kemahiran dan profesionalisme, sekaligus mempunyai kelengkapan peralatan teknologi demi membolehkan mereka menjalankan tugas serentak sebagai penulis, jurugambar serta juruvideo bagi menyampaikan berita di seluruh pelusuk dunia dalam usaha mereka untuk bersaing dengan wartawan warga (Mozli, 2017). Menurut Cameron (2008), satu bentuk kewartawanan masa depan ialah kewartawanan mudah alih (*Mobile Journalism - MOJO*) demi menggambarkan amalan kewartawanan berdasarkan pemberita yang dilengkapi dengan peralatan multimedia berita mudah alih. Malah, MOJO hanya memerlukan telefon pintar untuk melakukan pelbagai perkara daripada proses rakaman sehingga suntingan (Berita Harian, 2019).

Spilsbury (2014) berpandangan perubahan berlaku kepada semua pekerjaan dari semasa ke semasa, yang mana bidang kewartawanan adalah jenis industri yang berubah. Bagaimanapun, perubahan yang tidak dapat dielakkan ini tidak bermakna ia tidak harus cuba untuk difahami, dipersiapkan dan dipermudahkan. Misalnya, kemahiran fotografi dan video kini kian

diperlukan semua wartawan sebagai sebahagian daripada kemahiran mereka. Ismail dan Ismail (2017) menyatakan bahawa pengetahuan, kemahiran dan sikap diperlukan dalam amalan kewartawanan baik. Selain itu, wartawan perlu meningkatkan kemahiran dan profesionalisme mereka demi membolehkan mereka menandingi wartawan warga (Mozli, 2017). Melalui kajiannya, Mozli menambah, antara aspek kemahiran yang diperlukan wartawan solo adalah kemahiran menulis, komunikasi, dwibahasa dan multimedia, manakala kejujuran, komitmen dan autonomi ialah aspek profesionalisme yang harus dimiliki mereka. Tambahnya, kemahiran asas iaitu menulis amat ditekankan, bagaimanapun kemahiran lain seperti penggunaan gajet turut diperlukan.

Fahmy (2008) pula menegaskan tumpuan harus diberikan kepada kemahiran tradisional wartawan, namun pada masa sama mereka juga harus mencari ilmu dalam kemahiran digital untuk melayakkan pelaporan platform yang lebih baik dan menjadi lebih berdaya saing di pasaran pekerjaan. Pierce dan Miller (2007) turut menyuarakan pandangan sama melalui kajian dilakukan mereka. Kajian ini menumpukan kepada isu-isu yang diterbitkan dalam dunia kewartawanan untuk mengetahui peranan, kemahiran dan cabaran dilalui wartawan akhbar yang kini berdepan dengan era globalisasi. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti pandangan wartawan berhubung dunia kewartawanan, antaranya dari segi kemahiran, teknologi, kesan dan cabaran yang mereka tempuh, serta pandangan mereka mengenai masa depan dunia kewartawanan.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif melalui metod temubual mendalam. Kaedah temubual mendalam dijalankan melalui sesi temu bual terperinci berdasarkan garis panduan ditetapkan bertujuan memahami pandangan responden berhubung kehidup, pengalaman dan situasi mereka (Jasmi, 2012). Sehubungan itu, kata demi kata yang dikeluarkan responden akan dicatatkan kerana ia adalah data penting kajian. Kekuatan kaedah ini ialah ia mampu menghasilkan data tidak terjangkau oleh penyelidik disebabkan batasan masa yang sangat luas jika dibandingkan dengan berbanding cara pengumpulan data lain yang amat terbatas dengan waktu.

Melalui kajian ini, penyelidik melakukan temubual mendalam terhadap lapan wartawan media cetak dan penyiaran di dua negeri di Malaysia. Mereka terdiri daripada pelbagai kaum termasuklah Melayu, Cina dan India serta memiliki pengalaman lebih 10 tahun dalam dunia kewartawanan. Antaranya termasuklah Berita Harian, Al Hijrah, TV3, Sin Chew Daily, Bernama, dan Makkal Osai. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti pandangan wartawan berhubung dunia kewartawanan, antaranya dari segi kemahiran, teknologi, kesan dan cabaran yang mereka tempuh, serta pandangan mereka mengenai masa depan dunia kewartawanan.

Penyelidik menggunakan analisis tematik bagi menganalisis data temubual berkenaan. Braun and Clarke (2012) menjelaskan analisis tematik ialah kaedah untuk mengenal pasti, menyusun, dan menawarkan pandangan secara sistematik, dan corak makna (tema) merentas kumpulan data. Kajian ini mengadaptasi enam fasa dalam analisis tematik yang dicadangkan oleh Braun and Clarke (2012), iaitu (i) membiasakan diri dengan data, (ii) menghasilkan kod awal, (iii) mencari tema, (iv) mengkaji tema yang berpotensi, (v) menentukan dan menamakan tema, dan (vi) menghasilkan laporan.

### Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan temubual yang dilakukan bersama lapan orang wartawan, kesemua informan membincangkan mengenai cabaran dilalui wartawan dalam dunia kewartawanan kini. Tiga tema telah diterbitkan daripada keseluruhan temubual yang dilakukan iaitu kemahiran diperlukan oleh wartawan pada zaman digital, perbezaan teknologi dahulu dan sekarang, serta cabaran wartawan perlu berdikari/kerja solo.

### Kemahiran Diperlukan Wartawan Pada Zaman Digital

Kehadiran dunia digital jelas memberikan suatu dimensi baharu kepada wartawan pada hari ini apabila perlu berubah secara total mengikut arus semasa sekiranya mahu terus relevan di dalam industri selepas diberi saingan sengit media sosial yang bergerak bebas dan pantas di platform seperti Facebook, Instagram, Twitter dan YouTube. Masyarakat pada masa kini lebih gemar mendapatkan maklumat terus dan akan membandingkan sumber yang diperolehnya dengan media alternatif lain seperti media sosial. Menurut Mustafa dan Hamzah (2011), media baharu dilihat lebih dominan kerana media tersebut tidak mempunyai sebarang sekatan oleh pihak pemerintah.

Media mahupun wartawan yang berada di bawah agensi media perlu segera meneroka kemahiran baharu dalam mengendalikan aplikasi-aplikasi digital yang diperlukan seperti dalam penghasilan berita multimedia dengan hanya menggunakan sebuah telefon pintar. Perkara ini diakui oleh hampir kesemua pengamal media yang ditemubual.

“Sekarang apa-apa sahaja guna telefon pintar untuk ambil gambar, edit dan hantar gambar tersebut (kepada editor) serta-merta. Dulu boleh balik ke pejabat tetapi sekarang cari tempat untuk tulis artikel tersebut ataupun di lokasi kejadian dan membuat berita tersebut serta-merta dan memuatkan ke ruang portal ataupun platform media sosial seperti Facebook dengan segera”. (Informan 1)

Selain itu, seseorang wartawan juga harus pantas untuk menghantar bahan berita kerana perlu bersaing dengan platform media sosial lain seperti Facebook, WhatsApp, Instagram dan Twitter seperti yang dijelaskan oleh Informan 2 dan Informan 3.

“Pada zaman teknologi maklumat hari ini, wartawan perlu pantas. Perlu bersaing (dengan wartawan warga) kerana kadang-kadang berita belum siap namun maklumat berkaitan telahpun tersebar (media sosial). Wartawan pada hari ini juga memang memerlukan kemahiran multimedia”. (Informan 2)

“Wartawan hari ini perlu tahu tentang teknologi dan mengikuti perkembangan semasa sebab sekarang masing-masing bersaing untuk menghantar berita; siapa yang paling pantas untuk online”. (Informan 3)

Walau bagaimanapun, wartawan berpendapat etika dalam penulisan berita masih lagi diperlukan walaupun berdepan dengan saingan wartawan warga yang langsung tidak berpegang kepada perkara tersebut.

“Wartawan perlu jaga etika. Selagi kita menjaganya, wartawan tidak akan lari daripada landasan. Kita tidak boleh pergi jauh jika asyik mahu mensensasikan, paling penting adalah kebenaran”. (Informan 4)

Perkara tersebut seperti yang diperkatakan oleh Louis and Fieser (2012), bahawa konsep etika penting diamalkan jika mahu mewujudkan sebuah negara yang bebas dan bermanusiawi serta mematuhi nilai moral berdasarkan satu susunan undang-undang.

### ***Perbezaan Teknologi Dahulu Dan Sekarang***

Kecenderungan masyarakat hari ini terhadap media sosial telah membawa perubahan yang cukup besar kepada industri media dan penyiaran di Malaysia. Menurut Weiner dan McIntyre (2010) ciri penyiaran sosial menepati konteks semasa adalah perkongsian maklumat yang membolehkan khalayak yang tidak dapat menonton program secara langsung mencapainya pada bila-bila masa dan boleh dimuat turun dengan mudah menerusi platform yang pelbagai (multiplatform). Kelebihan ini menyaksikan ia menjadi tarikan yang cukup besar terutamanya kepada generasi muda pada hari ini.

Disebabkan perkara tersebut, wartawan juga perlu turut beralih dan mempersiapkan diri dengan teknologi semasa terutamanya dalam penghasilan berita di lokasi sebelum dihantar terus kepada editor melalui aplikasi emel ataupun WhatsApp untuk dimuatkan di portal online.

“Dahulu faks setiap bahan berita kepada editor, teknologi macam emel pada hari ini belum ada lagi”. (Informan 5)

Dalam pada itu, wartawan pada hari ini perlu juga menguasai teknologi semasa ataupun tahu mengendalikan peralatan di lokasi bagi tujuan lintas langsung dari lokasi kejadian seperti istiadat pertabalan Sultan, bencana alam seperti banjir besar mahupun kebakaran hutan dan perkara ini seperti yang diutarakan oleh Informan 6:

“Dahulu bagi penyediaan berita dari lokasi (lintas langsung) memerlukan satu hari untuk memasang peralatan-peralatan yang perlu dibawa dari ibu pejabat, namun hari ini dengan hanya alatan yang kecil sahaja dan capaian Internet yang baik, cuma memerlukan dalam setengah jam sahaja buat persiapan sudah boleh melaporkan kejadian secara lintas langsung dari lokasi”. (Informan 6)

Internet diakui banyak memudahkan dalam menghubungkan masyarakat kepada isu semasa secara ‘realtime’ dari semasa ke semasa. Jelas Master (2009) pengenalan Internet kepada khalayak banyak memberi faedah akan tetapi ia juga memberi kesan negatif kepada dunia kewartawanan. Wartawan perlu segera menghidu dan mengesan sesuatu berita malah menuntut seseorang wartawan itu untuk pantas dalam berfikir dan membuat keputusan.

“Cabarannya teknologi pada hari ini terlalu mendesak wartawan masa kini untuk mengejar masa (deadline). Para wartawan perlu berfikir cepat untuk mendapatkan bahan berita selain perlu tahu mengendalikan teknologi terkini.”. (Informan 1)

### ***Wartawan Perlu Berdikari/Kerja Solo***

Cabarannya dunia digital turut menuntut wartawan untuk bergerak secara solo selepas dibekalkan dengan peralatan, capaian Internet yang baik dan telefon pintar dalam usaha bersaing dengan wartawan warga. Menurut Ross dan Cormier (2010:66) wartawan warga adalah kelompok yang mengambil inisiatif sendiri melaporkan dan mengulas mengenai isu-isu yang mereka bimbang dan untuk itu, mereka menggunakan alat-alat yang terdapat di Internet.

Hal ini menyaksikan wartawan profesional perlu segera bertindak sendiri dalam membuat sesuatu keputusan sekiranya secara kebetulan berdepan dengan kejadian ataupun tragedi yang mampu dijadikan sebagai sebuah laporan berita.

“Wartawan pada hari ini perlu bersedia bekerja tanpa arahan, tahu membuat keputusan sendiri tanpa ada nasihat dari mana-mana pihak”. (Informan 3)

Apabila seseorang wartawan tersebut mampu berdikari, ia mampu menjadi nilai tambah untuk dirinya bersaing dengan wartawan lain dalam menghasilkan laporan eksklusif.

“Wartawan perlu bersaing dan mendapatkan ‘lebih’ dari wartawan-wartawan dari agensi lain jika mahu terus kekal di dalam industri ini kerana ada usaha lebih”. (Informan 7)

Kemampuan untuk berdikari dan bekerja solo menyaksikan seseorang wartawan tersebut mampu untuk bekerja di mana-mana lapangan dan dalam apa jua situasi selepas dibekalkan peralatan, teknologi dan kemahiran terkini yang diperlukan pada hari ini.

“Dulu wartawan di biro bukan sahaja buat berita, kami juga ambil gambar, tapi sekarang perlu juga ambil video walaupun kami hanya media cetak. Perkara ini untuk hadapi persaingan TV ataupun media sosial”. (Informan 8)

Hasil analisis temubual dengan semua wartawan di lapangan mendapati mereka mengakui bahawa mereka berdepan dengan cabaran besar dalam mengekalkan industri percetakan terutamanya yang semakin menurun jualan di pasaran. Tiga tema telah diutarakan daripada keseluruhan temubual mendalam yang telah dijalankan, iaitu kemahiran diperlukan oleh wartawan pada zaman digital, perbezaan teknologi dahulu dan sekarang, serta cabaran wartawan perlu berdikari/kerja solo. Transisi daripada media konvensional kepada media digital sedang giat dilakukan oleh semua agensi dalam menyiapkan wartawan masing-masing dalam usaha untuk terus kekal relevan dalam industri ini.

## Kesimpulan

Teknologi Internet, media baharu dan percantuman media telah menghasilkan pelbagai kesan jangka pendek dan jangka panjang kepada industri kewartawanan. Ini telah mengubah fungsi dan sifat media, memungkinkan setiap warga menyumbang kepada kandungan media, menyebarkan maklumat, membahas berita melalui rangkaian maya, dan untuk turut serta secara langsung dalam penghasilan berita. Ini antara cabaran kepada wartawan profesional dalam mendepani perkembangan teknologi Internet yang bersanggatan pantasnya. Kajian ini mendapati persaingan yang diberikan oleh platform media sosial juga menyaksikan agensi media turut sama terjun ke dalam platform tersebut untuk bersaing secara sihat dalam menyediakan laporan berita beretika, mengikut ‘housestyle’ masing-masing selain berdasarkan sumber yang sahih. Walau bagaimanapun, kajian ini hanyalah kajian rintis yang memerlukan kajian empirikal lanjutan demi membantu wartawan untuk kekal dalam dunia kewartawanan dan agensi media terus bertahan dalam landskap kehidupan manusia sejagat.

## Rujukan

- A.Kadir Jasin. (2009). *Membangun bangsa dengan mata pena*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Adnan, M.H. (2015). Peranan media massa memartbatkan integriti nasional. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 2, 57-74. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 dari <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/jkob/article/view/156>
- Amir, J. (2007). *Akhbar politik: Politik akhbar*. Universiti Malaysia Sarawak. The Sarawak Press Sdn. Bhd. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada [https://ir.unimas.my/id/eprint/15510/1/Akhbar%20politik%20politik%20akhbar%20\(24%20pages\).pdf](https://ir.unimas.my/id/eprint/15510/1/Akhbar%20politik%20politik%20akhbar%20(24%20pages).pdf)
- Balaraman, R.A. & Ibrahim, F. (2013). *Kewartawan dan warga kepada warga: Punca kewujudan dan perkembangannya di Malaysia*. Dapatkan kembali 1 September 2019 daripada [http://jurnalarticle.ukm.my/6915/1/V29\\_2\\_175-188.pdf](http://jurnalarticle.ukm.my/6915/1/V29_2_175-188.pdf)
- Balaraman, R.A., Ibrahim, F., Arokiasamy, L. & Mukhiar, S.N.S. (2016). *Kewartawan warga di Malaysia: Satu kajian dari sudut pandangan wartawan warga*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada <http://jurnalarticle.ukm.my/10506/1/16481-46303-1-SM.pdf>
- Berita Harian Online. (2019). *MOJO suburkan kandungan kreatif, inovatif-Gobind*. 29 April 2019. Dapatkan kembali 1 September 2019 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/04/558482/mojo-suburkan-kandungan-kreatif-inovatif-gobind>
- Braun, V. & Clarke, V. (2012). *Thematic analysis*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada [https://www.researchgate.net/profile/Victoria\\_Clarke2/publication/269930410\\_Theme\\_analysis/links/5499ad060cf22a83139626ed](https://www.researchgate.net/profile/Victoria_Clarke2/publication/269930410_Theme_analysis/links/5499ad060cf22a83139626ed)
- Cameron, D. (2008). *Mobile journalism: A snapshot of current research and practice*. Dapatkan kembali 1 September 2019 daripada [https://www.academia.edu/7676347/Mobile\\_journalism\\_A\\_snapshot\\_of\\_current\\_research\\_and\\_practice](https://www.academia.edu/7676347/Mobile_journalism_A_snapshot_of_current_research_and_practice)
- Cropley, A. (2015). *Introduction to qualitative research methods*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada [https://www.researchgate.net/publication/285471178\\_Introduction\\_to\\_Qualitative\\_Research\\_Methods/link/5cc52602a6fdcc1d49b473c2/download](https://www.researchgate.net/publication/285471178_Introduction_to_Qualitative_Research_Methods/link/5cc52602a6fdcc1d49b473c2/download)
- Dueze, M. (1999). *Journalism and the web: An analysis of skills and standards in an online environment*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada [https://www.researchgate.net/publication/245517591\\_Journalism\\_and\\_the\\_Web\\_An\\_Analysis\\_of\\_Skills\\_and\\_Standards\\_in\\_an\\_Online\\_Environment/link/5450ac4b0cf24e8f7374dcf2/download](https://www.researchgate.net/publication/245517591_Journalism_and_the_Web_An_Analysis_of_Skills_and_Standards_in_an_Online_Environment/link/5450ac4b0cf24e8f7374dcf2/download)
- Fahmy, S. (2008). *How online journalists rank importance of news skills*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada [https://www.academia.edu/948068/How\\_Online\\_journalists\\_rank\\_importance\\_of\\_news\\_Skills](https://www.academia.edu/948068/How_Online_journalists_rank_importance_of_news_Skills)
- Franco, G. (2009). *The impact of digital technology on journalism and democracy in Latin America and The Caribbean*. Dapatkan kembali 1 September 2019 daripada [https://knightcenter.utexas.edu/digitaltech\\_en.pdf](https://knightcenter.utexas.edu/digitaltech_en.pdf)
- Hussiin, H. (2017). *Isu pendidikan wanita Melayu dan akhbar dan majalah Melayu, 1920-an hingga 1940-an*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada <https://ejournal.um.edu.my/index.php/SEJARAH/article/view/9231>
- Ismail, A. & Ismail, R. (2017). *Knowledge versus experience: Indicator to good journalism practices*. Dapatkan kembali 1 September 2019 daripada <https://pdfs.semanticscholar.org/ac73/b8e2bd89b13612e9c582d5e6313f5e68bc64.pdf>
- Ismail, S. & Adnan, H.M. (2011). Profil ruangan sukan dalam akhbar Utusan Malaysia dan Berita Harian. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada [https://www.academia.edu/16153788/Profil\\_Ruangan\\_Sukan\\_Dalam\\_Akhbar\\_Utusan\\_Malaysia\\_Dan\\_Berita\\_Harian](https://www.academia.edu/16153788/Profil_Ruangan_Sukan_Dalam_Akhbar_Utusan_Malaysia_Dan_Berita_Harian)

- Jasmi, K. A (2012). *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif*. Dapatkan kembali 31 Julai 2019 dari [https://www.researchgate.net/publication/293097563\\_Metodologi\\_Pengumpulan\\_Data\\_dalam\\_Penyelidikan\\_Kualitatitif](https://www.researchgate.net/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatitif)
- Lee, K.T., Othman, S.S., Nayan, L.M. & Thevakumar, K. (2012). *Wanita dalam dunia kewartawanan: Profesjon, prospek dan masa depan dalam industri persuratkhabaran di Sabah*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 [https://www.researchgate.net/publication/253327928\\_Wanita\\_dalam\\_Dunia\\_Kewartawan\\_Profesjon\\_Prospek\\_dan\\_Masa\\_Depan\\_dalam\\_Industri\\_Persuratkhabaran\\_di\\_Sabah](https://www.researchgate.net/publication/253327928_Wanita_dalam_Dunia_Kewartawan_Profesjon_Prospek_dan_Masa_Depan_dalam_Industri_Persuratkhabaran_di_Sabah)/link/53f6df930cf2fceacc74d8f5/download
- Lent, J.A. (1978). Malaysia's national language mass media: History and present status. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada <https://kyoto-seas.org/pdf/15/4/150408.pdf>
- Louis P. Pojman & James Fieser. *Ethics discovering right and wrong*. (Boston: Wadsworth, 2012), 188-193
- Master, C. (2009). *Media insiders say Internet hurts journalism*. Retrieved from <http://www.theatlantic.com/magazine/archive/2009/04/media-insiders-say-internet-hurtsjournalism/307410/>
- Mohamad, M. Y., Kamaliah, S., Azman, A. A., Muhammad Hatta, M. T., & Juliana, A. B. (2006). *Dinamika media dan masyarakat Malaysia*. Pulau Pinang. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mozli, N.H.F (2017). *Kewartawanan solo dari perspektif Editor Malaysia*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada [http://etd.uum.edu.my/7085/2/s819034\\_02.pdf](http://etd.uum.edu.my/7085/2/s819034_02.pdf)
- Mustafa, S.E. & Hamzah, A. (2011). Media baru yang baharu: Trend penggunaan jaringan sosial dalam kalangan pengguna di Malaysia. *Malaysian Journal of Media Studies*, 13(2), 93-110.
- Omar, M.F.C. (2017). *Politik sebelum merdeka dan etnik di Malaysia*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada [https://www.academia.edu/32189600/Politik\\_Sebelum\\_Merdeka\\_dan\\_Etnik\\_di\\_Malaysia.pdf](https://www.academia.edu/32189600/Politik_Sebelum_Merdeka_dan_Etnik_di_Malaysia.pdf)
- Othman, M.D. (1992). *Malaysian press: A brief account of newspapers published in British Malaya*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada <http://jurnalarticle.ukm.my/4885/1/9%281%29.pdf>
- Othman, S.S. (2018). *Di sebalik tabir bilik berita akhbar*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman, S.S., Nayan, L.M., Lee, K.T. & Hassan, N.N.N. (2018). *Masa hadapan akhbar Malaysia dalam masyarakat jaringan*. Dapatkan kembali 1 September 2019 daripada <http://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/27198/8961>
- Pierce, T. & Miller, T. (2007). *Basic journalism skills remain important in hiring*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada <https://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/073953290702800405>
- Pradepp, L. (2014). *Introduction to new media*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada <http://www.universityofcalicut.info/cuonline/exnotif/ex4460.pdf>
- Putri, K.Y.S., Prananingrum, E.N. & Safirti, D. (2018). *Literasi media baru dan budaya baru di Masyarakat Indonesia*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada [https://www.researchgate.net/publication/326913529\\_Literasi\\_Media\\_Baru\\_Dan\\_Budaya\\_Baru\\_Di\\_Masyarakat\\_Indonesia](https://www.researchgate.net/publication/326913529_Literasi_Media_Baru_Dan_Budaya_Baru_Di_Masyarakat_Indonesia)
- Ross, R. & Cormier, S.C. (2010). *Handbook for citizen journalists*. Denver, Colorado: National Association of Citizen Journalists (NACJ).

- Saad, I. (2010). *Peranan politik akhbar suara rakyat 1945-48 (The political role of the suara rakyat Newspaper 1945-48)*. Dapatkan kembali 20 Julai 2019 dari web.usm.myPDF peranan politik akhbar suara rakyat 1945-48 (the political role of the ... – USM
- Saari, N., Sarji, A. & Basri, F.K.H. (2010). *Muzik dan pembangunan sosial: paparan dasar industri hiburan dalam akhbar-akhbar di Malaysia*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada <http://ejournal.ukm.my/mjc/article/view/15108/4713>
- Sannusi, N. S. & Mustafa, N. (2015). *Akhbar versi digital: Implikasi terhadap trend sirkulasi akhbar bercetak di Malaysia*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada [https://www.researchgate.net/publication/304023025\\_Akhbar\\_versi\\_digital\\_Implikasi\\_terhadap\\_trend\\_sirkulasi\\_akhbar\\_bercetak\\_di\\_Malaysia](https://www.researchgate.net/publication/304023025_Akhbar_versi_digital_Implikasi_terhadap_trend_sirkulasi_akhbar_bercetak_di_Malaysia)
- Sannusi, N. S. & Ong, Y. M. (2016). *Strategi Pemilihan berita halaman hadapan akhbar berbahasa Melayu dan Cina: Kajian terhadap Berita Harian dan China Press*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada <http://jurnalarticle.ukm.my/9955/1/14134-38836-2-PB.pdf>
- Setiawan, R. (2013). *Kekuatan new media dalam membentuk budaya populer di Indonesia (Studi tentang menjadi artis dadakan dalam mengungah video musik di Youtube)*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada [https://ejournal.ilkom.fisip-unmul.ac.id/site/wp-content/uploads/2013/06/Junal%20Rudi%20Ganjil%20\(06-01-13-04-50-33\).pdf](https://ejournal.ilkom.fisip-unmul.ac.id/site/wp-content/uploads/2013/06/Junal%20Rudi%20Ganjil%20(06-01-13-04-50-33).pdf)
- Shafie, N.Z.M. & Ahmad, S.A. (2017). *Peranan media sebagai pembentuk semangat nasionalisme dalam Kempen Pilihan Raya Umum (PRU) di era sebelum merdeka hingga kini*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada <http://jkob.cseap.edu.my/index.php/jurnal/full/5-3.pdf>
- Situmorang, J.R. (2012). *Pemanfaatan Internet sebagai new media dalam bidang politik, bisnis, pendidikan dan sosial budaya*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada <https://media.neliti.com/media/publications/73847-ID-pemanfaatan-internet-sebagai-new-media-d.pdf>
- Sofian, M.R.M & Hussein, A. (2018). Gerakan kristinasi dan peranan media di Malaysia: Satu kajian kes terhadap pelaporan akhbar Utusan Malaysia dan The Star. *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 15(OCT.), 137-154 Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/5228>
- Spilsbury, M. (2014). *Emerging skills for journalists*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada <https://www.nctj.com/downloadlibrary/NCTJ%20Emerging%20Skills%20FINAL.pdf>
- Sulaiman, W.M.W. (1999). *Kredibiliti akhbar tempatan: Satu analisis mengenai isu politik semasa*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada [http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/9887/1/FBMK\\_1999\\_13\\_A.pdf](http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/9887/1/FBMK_1999_13_A.pdf)
- Varzandeh, S. (2018). *The impact of technology on journalism*. Dapatkan kembali 1 September 2019 daripada [https://www.academia.edu/36084915/The\\_Impact\\_of\\_Technology\\_on\\_Journalism](https://www.academia.edu/36084915/The_Impact_of_Technology_on_Journalism)
- Wariya, C. (2012) *Kewartawanan dan media era digital isu-isu semasa*. Malaysian Press Institute.
- Weiner, A. & Angela McIntyre. (2010). *Hype cycle for social software*. Connecticut: Gartner.
- Wong, D. & Hodgson, P. (2009). *Developing journalistic skills through the multimedia platform*. Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada [https://www.researchgate.net/publication/264314271\\_Developing\\_journalistic\\_skills\\_through\\_the\\_multimedia\\_platform/link/53d8a9160cf2631430c330fa/download](https://www.researchgate.net/publication/264314271_Developing_journalistic_skills_through_the_multimedia_platform/link/53d8a9160cf2631430c330fa/download)

Zamri, N.A.K. (2015). *Portraying the history of Malaysia in online newspapers- a preliminary study.* Dapatkan kembali 31 Ogos 2019 daripada <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042816301343>.